Pendakwa Raya lwn Lim Yi Hang

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN JENAYAH NO PA-42LB-25–12 TAHUN 2019
AMIRUDIN RAHMAN PK
4 SEPTEMBER 2020

Prosedur Jenayah — Rayuan — Kes prima facie — Responden dituduh di bawah s 326 Kanun Keseksaan atas kesalahan dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata berbahaya — Responden dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam membebaskan responden atas alasan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa responden menyebabkan kecederaan parah kepada mangsa — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam memutuskan bahawa kecederaan bukanlah kecederaan parah — Akta Perubatan 1971 s 34C — Kanun Keseksaan ss 320 & 326 — Kanun Tatacara Jenayah ss 2, 173(f)(ii) & 399

Ini merupakan rayuan oleh pendakwa raya ('perayu') terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang telah melepaskan dan membebaskan tertuduh ('responden') tanpa dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan di bawah s 326 Kanun Keseksaan ('Kanun') iaitu kesalahan dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata berbahaya kepada tiga individu yang berbeza iaitu SP1, SP2 dan SP3. Di akhir kes pendakwaan, kes prima facie telah dibuktikan bagi pertuduhan-pertuduhan yang melibatkan SP1 dan SP2 tetapi bagi pertuduhan yang melibatkan SP3, HMS mendapati kes prima facie telah gagal dibuktikan oleh perayu. Dalam rayuan semasa, pihak-pihak bergantung kepada keterangan saksi-saksi berikut: (a) SP1, SP2 dan SP3 (mangsa-mangsa); (b) SP4 dan SP6 (pegawai perubatan); (c) SP5 (pengadu); dan (d) SP7 (pegawai penyiasat). Isu-isu yang dibangkitkan adalah: (a) sama ada HMS telah terkhilaf dalam membebaskan responden atas alasan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa responden telah menyebabkan kecederaan parah kepada SP3; dan (b) sama ada HMS terkhilaf dalam memutuskan bahawa kecederaan bukanlah kecederaan parah. Berkaitan dengan isu (b), perayu bergantung kepada peruntukan s 399 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') apabila mengemukakan laporan perubatan (eksh P12) yang disediakan oleh pegawai perubatan Penang Adventist Hospital ('pegawai perubatan tersebut') yang merawat SP3 selang bebarapa hari selepas kejadian.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan HMS:

(1) Bagi membuktikan inti pati pertuduhan di bawah s 326 Kanun, keterangan yang membawa kepada dapatan bahawa responden yang merupakan penyerang dan menyebabkan kecederaan kepada SP3 perlu

dibuktikan. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, tindakan responden sebenarnya bukanlah berniat untuk menyerang SP3 sebaliknya responden ingin terus menyerang SP1 dan tindakan SP3 menahan responden telah menyebabkan kecederaan dialami SP3. Berdasarkan keterangan SP3, tidak terdapat satu keterangan pun yang mencadangkan bahawa terdapat rancangan awal oleh responden untuk melakukan kesalahan untuk menyerang dan mencederakan SP3. Hakim mahkamah sesyen tidak menyatakan dalam alasan penghakimannya bahawa beliau tidak mempercayai keterangan SP3. Oleh itu, berdasarkan keterangan tersebut mahkamah bersetuju dengan dapatan fakta oleh HMS dan berpandangan bahawa tidak terdapat merit bagi isu (a) yang dibangkitkan (lihat perenggan 23–24 & 26).

(2) Mahkamah mengambil maklum mengenai hak pendakwaan di bawah s 399 KTJ untuk mengemukakan laporan mana-mana orang yang dinyatakan dalam s 399(2) KTJ termasuk laporan pegawai perubatan sebagai ganti memanggil pegawai perubatan yang terlibat untuk memberikan keterangan di mahkamah. Walau bagaimanapun, laporan pegawai perubatan tersebut hanya boleh diterima sebagai keterangan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam peruntukan s 399 KTJ khususnya sub-s 399(2) KTJ yang antara lain menetapkan syarat laporan perubatan tersebut hendaklah disediakan atau dibuat oleh seorang 'pegawai perubatan kerajaan' atau mana-mana pegawai perubatan selain pegawai perubatan kerajaan yang telah diberikan kebenaran secara bertulis oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut s 34C(1) Akta Perubatan 1971 ('Akta 50') (lihat perenggan 32 & 35).

(3) Pegawai perubatan tersebut tidak termasuk dalam takrif 'pegawai perubatan kerajaan' bagi maksud peruntukan s 399(2) KTJ yang dibaca bersama dengan takrifan 'government medical officer' yang diperuntukkan di bawah s 2 KTJ. Selain itu, tiada apa-apa keterangan dikemukakan oleh perayu bagi membuktikan bahawa pegawai perubatan tersebut telah pun diberi kebenaran secara bertulis oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia untuk dianggap sebagai 'pegawai perubatan kerajaan' menurut s 34C Akta 50. Keputusan pihak pendakwaan untuk tidak memanggil pegawai perubatan tersebut untuk memberi keterangan adalah tidak betul memandangkan pihak pendakwaan perlu membuktikan kepada mahkamah berhubung kelayakan pegawai perubatan tersebut serta bagi membuktikan bahawa kecederaan yang dialami SP3 terjumlah kepada salah satu jenis kecederaan yang dikategorikan sebagai cedera parah menurut s 320 Kanun (lihat perenggan 33–34 & 36).

(4) Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan pendakwa raya bahawa kemasukan laporan perubatan (eksh P12) melalui SP7 boleh diterima masuk sebagai keterangan di mahkamah memandangkan ia telah

dipersetujui dan tidak dibantah oleh peguambela yang mewakili responden memandangkan apa jua pengabaian berkenaan hak untuk membantah kebolehterimaan mana-mana keterangan, tidak terpakai dalam prosiding jenayah (lihat perenggan 39).

(5) Berdasarkan keterangan SP4 serta dapatan-dapatan di atas, mahkamah memutuskan perayu telah gagal untuk membuktikan bahawa kecederaan yang dialami SP3 adalah cedera parah dan terjumlah kepada salah satu kategori yang dinyatakan dalam s 320 Kanun. Atas isu ini sahaja keseluruhan kes pendakwaan telah gagal dibuktikan pada tahap prima facie sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 173(f)(ii) KTJ (lihat perenggan 28 & 42).

[English summary

This was an appeal by the public prosecutor ('appellant') against the decision of the sessions court judge ('SCJ') who had acquitted and discharged the accused ('respondent') without being called to defend himself on charges under s 326 of the Penal Code ('the Code') ie the offense of voluntarily causing grievous hurt by dangerous weapons or means on three different individuals namely SP1, SP2 and SP3. At the end of the prosecution case, prima facie cases were proven for the charges involving SP1 and SP2 but for the charge involving SP3, the SCJ found that prima facie case was not proven by the appellant. In the present appeal, the parties relied on the testimony of the following witnesses: (a) SP1, SP2 and SP3 (victims); (b) SP4 and SP6 (medical officer); (c) SP5 (complainant); and (d) SP7 (investigating officer). The issues raised were: (a) whether SCJ had erred in releasing the respondent on the grounds that there was no evidence to indicate that the respondent had caused grievous hurt to SP3; and (b) whether SCJ erred in deciding that the injury was not a grievous hurt. In relation to issue (b), the appellant relied on the provisions of s 399 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') when submitting a medical report (exh P12) prepared by the Penang Adventist Hospital medical officer ('medical officer') who treated SP3 few days after the incident.

Held, dismissing the appellant's appeal and maintaining the SCJ's decision:

(1) To prove the essence of the charge under s 326 of the Code, evidence leading to the finding that the respondent was the attacker and the respondent had caused injury to SP3 ought to be proven. Based on the evidence presented, the respondent's action was not actually intended to attack SP3 but the respondent wanted to continue to attack SP1 and SP3's action of restraining the respondent had caused SP3's injuries. Based on the evidence of SP3, there was not a single piece of evidence that suggested that there was an initial plan by the respondent to commit an offense to attack and injure SP3. The SCJ did not state in his judgment that he did not believe SP3's testimony. Therefore, based on the evidence, the court agreed with the findings of fact by SCJ and the court was of the

view that there was no merit in issue (a) (see paras 23–24 & 26).

(2) The court was aware of the prosecution's right under s 399 of the CPC to submit a report of any person specified in s 399(2) of the CPC including the report of the medical officer in lieu of calling the medical officer involved to give evidence in court. However, the report of the medical officer could only be accepted as evidence subject to the conditions stated in the provisions of s 399 of the CPC especially sub-s 399(2) of the CPC which among others stipulated the conditions of the medical report shall be prepared or made by a 'government medical officer' or any medical officer other than a government medical officer who had been given written permission by the Director General of Health pursuant to s 34C(1) of the Medical Act 1971 ('Act 50') (see paras 32 & 35).

(3) The medical officer was not included in the definition of 'government medical officer' for the purpose of the provision of s 399(2) of the CPC read together with the definition of 'government medical officer' provided under s 2 of the CPC. Apart from that, there was no evidence submitted by the appellant to prove that the medical officer had already been given permission in writing by the Director General of Health Malaysia to be considered as a 'government medical officer' pursuant to s 34C of Act 50. The decision of the prosecution in not calling the medical officer to give evidence was incorrect as the prosecution was required to prove to the court regarding the qualification of the medical officer as well as to prove that the injuries suffered by SP3 amounted to a type of injury categorised as grievous hurt according to s 320 of the Code (see paras 33–34 & 36).

(4) The court disagreed with the prosecutor's argument that the entry of a medical report (exh P12) through SP7 was admissible as evidence in court as it had been agreed and not objected by the counsel representing the respondent because any waiver regarding the right to object to the admissibility of any evidence was not applicable in criminal proceedings (see para 39).

(5) Based on the evidence of SP4 as well as the above findings, the court held that the appellant had failed to prove that the injuries suffered by SP3 were grievous hurt and amounted to one of the categories specified in s 320 of the Code. On this issue alone the whole prosecution case had failed to be proven at the prima facie level as provided under s 173(f)(ii) of the CPC (see paras 28 & 42).]

Kes-kes yang dirujuk

Harjit Singh v Regina [1963] 1 MLJ 287 (dirujuk)
Mohd Zuki bin Ali @ Mohamad v PP [2010] MLJU 1320; [2010] 1 LNS 1270, MT (dirujuk)
Noliana bt Sulaiman v PP [2000] 4 MLJ 752, MT (dirujuk)

Ooi Lean Chai v PP [1991] 2 MLJ 552; [1991] 1 CLJ 337, MA (diikut)
PP v Lin Lian Chen [1991] 1 MLJ 316, MT (dirujuk)
Periasamy s/o Sinnappan & Anor v PP [1996] 2 MLJ 557, MR (dirujuk)
PP v Wan Razali Kassim [1970] 2 MLJ 79, MP (dirujuk)
P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320, MR (dirujuk)
Yii Ming Tung v PP [2015] 3 MLJ 596; [2014] 9 CLJ 1102, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perubatan 1971 ss 34C, 34C(1)
Kanun Keseksaan ss 320, 326
Kanun Tatacara Jenayah ss 2, 173(f)(ii), 316, 399, 399(1), (1)(b), (2)

Noor Azura bt Zulkiflee (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Tanasekharan Autherapady (A Tanasekharan & Assoc) bagi pihak responden.

Amirudin Rahman PK:

PENGENALAN

[1] Ini merupakan satu rayuan oleh pendakwa raya ('perayu') terhadap keputusan yang dibuat oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') pada 2 Disember 2019 yang telah melepaskan dan membebaskan responden tanpa dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan di bawah s 326 Kanun Keseksaan.

[2] Setelah mahkamah ini meneliti dokumen-dokumen dalam rekod rayuan, termasuk nota-nota keterangan, alasan penghakiman HMS bertarikh 2 Disember 2019 dan hujahan-hujahan bertulis perayu dan responden, mahkamah ini telah menolak rayuan perayu dan telah mengekalkan keputusan HMS yang telah melepaskan dan membebaskan responden tanpa memanggil responden untuk membela diri.

[3] Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini dan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

LATAR BELAKANG KES

Pertuduhan terhadap responden

[4] Responden bernama Lim Yi Hang telah dituduh dengan tiga pertuduhan di bawah s 326 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah dengan menggunakan senjata berbahaya kepada

A tiga individu yang berbeza dan pertuduhan terhadap responden adalah seperti yang berikut:

(a) No Kes PA-62–10–03 Tahun 2019:

> Bahawa kamu pada 8hb Februari 2019, jam lebih kurang 1.30 pagi di Pekan Kuala Sungai Pinang, di Balik Pulau, di dalam Daerah Barat Daya, di dalam Negeri Pulau Pinang dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah kepada penama Loh Soon Kheng, KPT: 720331–07–5767 dengan menggunakan sebilah parang yang merupakan suatu alat untuk memotong. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan.

(b) No Kes PA-62–11–03 Tahun 2019:

> Bahawa kamu pada 8hb Februari 2019, jam lebih kurang 1.30 pagi di Pekan Kula Sungai Pinang, di batik pulau, di dalam Daerah Barat Daya, di dalam Negeri Pulau Pinang dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah kepada penama Jason Tan Yen Xi'ng, KPT: 01100502–07–0367 dengan menggunakan sebilah parangyang merupakan suatu alat untuk memotong. Oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan.

(c) No Kes PA-62–12–03 Tahun 2019:

> Bahawa kamu, pada 8hb Februari 2019 jam lebih kurang 1.30 pagi, di Pekan Kuala Sungai Pinang, di Balik Pulau, di dalam Daerah Barat Daya, di dalam Negeri Pulau Pinang, dengan sengaja telah menyebabkan cedera parah kepada penama Chuah Kooi Teng, KPT: 651122–075385 dengan menggunakan sebilah parang yang merupakan suatu alat untuk memotong. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan.

[5] Responden tidak mengaku salah dan telah memohon agar ketiga-tiga pertuduhan yang telah dikenakan ke atasnya dibicarakan. Atas permohonan pihak pendakwaan dan tanpa apa-apa bantahan oleh peguam responden, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah memerintahkan supaya kes-kes seperti di perenggan 4(a), (b) dan (c) di atas digabung dan dibicarakan bersekali (*joint trial*).

[6] Sepanjang perbicaraan di peringkat kes pendakwaan, seramai tujuh orang saksi telah dipanggil untuk memberikan keterangan. Butir-butir saksi yang telah memberikan keterangan adalah:

(a) SP1 — Loh Soon Kheng (mangsa dalam No Kes PA-62–10–03 Tahun 2019);

(b) SP2 — Jason Tan Yen Xi'ng (mangsa dalam No Kes PA-62–11–03 Tahun 2019); dan

(c) SP3 — Chuah Kooi Teng (mangsa dalam No Kes PA-62–11–03 Tahun 2019);

(d) SP4 — Dr Muhammad Hafeezat bin Ramzi Azlan (Pegawai Perubatan, Hospital Balik Pulau);

(e) SP5 — Loh Soon Leong (pengadu);

(f) SP6 — Dr Tarshini a/p Anbalakan (Pegawai Perubatan, Hospital Balik Pulau); dan

(g) SP7 — Inspektor Abdul Mujib Salami bin Abu Bakar (Pegawai Penyiasat).

Keputusan hakim mahkamah sesyen

[7] Di akhir kes pendakwaan, HMS telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap responden bagi pertuduhan dalam Kes PA-62–10–03 Tahun 2019 dan Kes PA-62–11–03 Tahun 2019. Walau bagaimanapun, bagi Kes PA-62–12–03 Tahun 2019, HMS mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes prima facie terhadap responden. HMS kemudiannya telah memerintahkan supaya responden dipanggil untuk membela diri bagi pertuduhan-pertuduhan bagi Kes PA-62–10–03 Tahun 2019 dan Kes PA-62–11–03 Tahun 2019 dan seterusnya bagi Kes PA-62–12–03 Tahun 2019, responden telah dilepas dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.

PRINSIP UNDANG-UNDANG BERHUBUNG DENGAN RAYUAN

[8] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, rayuan adalah terhadap pembebasan responden di akhir kes pihak pendakwaan tanpa responden dipanggil untuk membela diri untuk menjawab pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. Oleh yang demikian, prinsip sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 316 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') adalah terpakai. Seksyen 316 KTJ berbunyi seperti yang berikut:

316 *Decision on appeal*

At the hearing of the appeal *the judge may*, if he considers there is *no sufficient ground for interfering, dismiss the appeal, or may*:

(a) *in an appeal from an order of acquittal, reverse the order*, and direct that further inquiry be made, or that the accused be re-tried, as the case may be, or find him guilty and pass sentence on him according to law;

(b) in an appeal from a conviction or in an appeal as to sentence:

(i) reverse the finding and sentence and acquit or discharge the accused, or order him to be re-tried; or

A

(ii) alter the finding, maintaining the sentence, or with or without altering the finding reduce or enhance the sentence or alter the nature of the sentence;

(c) in an appeal from any other order, alter or reverse such order. (Penekanan ditambah.)

B

[9] Berhubung dengan perkara ini, keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Periasamy s/o Sinnappan & Anor v Public Prosecutor* [1996] 2 MLJ 557 sering diguna pakai di mana Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) telah membuat pemerhatian yang berikut:

C

In the state of the law, *what was the duty and function of the learned judge on appeal?* His duty and function have been the subject of discussion in a great many cases and for purposes we find it sufficient to refer to two of these.

D

In *Lim Kheak Teong v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 38, the sessions court acquitted the accused on two charges under the Prevention of Corruption Act 1961, after having heard his defence. On appeal, the High Court set aside the order of acquittal and substituted therefor an order of conviction. The accused applied under the now repealed s 66 of the Courts of Judicature Act 1964 to reserve a question of law. In allowing the application and quashing the conviction, the

E

Federal Court, whose judgment was delivered by Hashim Yeop Sani FJ (later CJ, Malaya) said (at pp 39–40):

... we gave leave because firstly we felt that there was no proper appraisal of *Sheo Swarup v King-Emperor* AIR 1934 PC 227 and secondly purporting to follow Terrell Ag CJ in *R v Low Toh Cheng* [1941] MLJ 1, the appellate judge went into conflict with the trend of authorities in similar jurisdictions.

F

With respect, what Lord Russell of Killowen said in *Sheo Swarup* was that although no limitations should be placed on the power of the appellate court, in exercising the power conferred *the High Court should and will always give proper weight and consideration to such matters as*:

G

(a) *the views of the trial judge on the credibility of the witnesses*;

(b) *the presumption of innocence in favour of the accused*;

(c) *the right of the accused to the benefit of any doubt*; and

H

(d) *the slowness of an appellate court in disturbing a finding of fact arrived at by a judge who had the advantage of seeing the witnesses*.

Lord Reid reiterated this same principle in *Benmax v Austin Motor Co Ltd* [1955] AC 370 at p 375 where he quoted from Lord Thankerton's judgment in *Watt (or Thomas) v Thomas* [1947] 1 AllER 582 that:

I

Where a question of fact has been tried by a judge without a jury, and there is no question of misdirection of himself by the judge, an appellate court which is disposed to come to a different conclusion on the printed evidence, should not do so unless it is satisfied that any advantage enjoyed by the trial judge by reason of having seen and

heard the witnesses, could not be sufficient to explain or justify the trial judge's conclusion.

The learned appellate judge held that the learned President had 'misdirected himself on the explanation of the accused'. Given the facts as stated in the appeal record, can it be said that there was a misdirection? Or can it be said that the decision of the learned President was 'plainly unsound'? (*Watt (or Thomas) v Thomas*). On the facts of this case we do not think so.

In *Wilayat Khan v State of Uttar Pradesh* AIR 1953 SC 122 at pp 123 and 125, Chandrasekhara Aiyar J, when delivering the judgment of the Supreme Court said:

Even in appeals against acquittals, the powers of the High Court are as wide as in appeals from conviction. But there are two points to be borne in mind in this connection. One is that *in an appeal from an acquittal, the presumption of innocence of the accused continues right up to the end; the second is that great weight should be attached to the view taken by the sessions judge before whom the trial was held and who had the opportunity of seeing and hearing the witnesses.*

...

Interference with an order of acquittal made by a judge who had the advantage of hearing the witnesses and observing their demeanour can only for compelling reasons and not on a nice balancing of probabilities and improbabilities, and certainly not because a different view could be taken of the evidence or the facts. (Penekanan ditambah.)

[10] Dalam kes *Public Prosecutor v Wan Razali Kassim* [1970] 2 MLJ 79, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti yang berikut:

... an appellate court should be slow to interfere with the finding of fact by a lower court as the appellate court does not have the advantage of seeing and hearing the witnesses and therefore of assessing their credibility ...

[11] Prinsip yang membenarkan mahkamah yang mendengar suatu perbicaraan rayuan untuk mengganggu keputusan yang telah dibuat oleh hakim bicara telah diputuskan dalam kes *P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo* [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320 di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

When the finding of the trial judge is factual, however the fact finders decision cannot be disturbed on appeal unless the decision of the fact finder is plainly wrong. (see *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163; *Zaharah bt A Kadir (acting as the authorised representative of Abdul Kadir bin Ami, deceased) v Ramunia Bauxite Pte Ltd & Anor* [2012] 1 MLJ 192; [2011] 1 LNS 1015; *Kyros International Sdn Bhd v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2013] 2 MLJ 650; [2013] 3 CLJ 813; [2013] 1 LNS 1).

The findings of fact of the trial judge can only be reversed when it is positively demonstrated to the appellate court that:

A

(a) by reason of some non-direction or misdirection or otherwise the judge erred in accepting the evidence which he or she did accept; or

(b) in assessing and evaluating the evidence the judge has taken into account some matter which he or she ought not to have taken into account; or

B

(c) it unmistakably appears from the evidence itself, or from the unsatisfactory reasons given by the judge for accepting it, that he or she cannot have taken proper advantage of his or her having seen and heard the witnesses; or

C

(d) in so far aside the Judge has relied on manner and demeanour, there are other circumstances which indicate that the evidence of the witness which he or she accepted is not credible, as for instance, where those witnesses have on some collateral matter deliberately given an untrue answer.

D

[12] Dengan berlatarbelakangkan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas, mahkamah meneruskan dengan penelitian terhadap rayuan ini.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH

E

[13] Mahkamah ini telah meneliti nota keterangan, alasan penghakiman dan eksibit-eksibit yang dikemukakan semasa perbicaraan. Bagi membuktikan pertuduhan di bawah s 326 Kanun Keseksaan, pihak pendakwaan perlu membuktikan intipati-intipati pertuduhan seperti yang berikut:

F

(a) responden telah menyebabkan mangsa ('SP3') cedera parah sebagaimana yang ditakrifkan dalam s 320 Kanun Keseksaan;

(b) responden telah menyebabkan kecederaan itu dengan secara suka rela; dan

G

(c) cedera parah itu disebabkan oleh instrumen untuk menembak, menikam, memotong atau lain-lain instrumen yang digunakan sebagai senjata untuk melakukan kesalahan yang boleh menyebabkan kematian.

H

[14] Mahkamah ini berpendapat bahawa pendakwaan perlu membuktikan responden telah dengan sengaja mendatangkan kecederaan parah ke atas SP3 (Chua Kooi Teng) yang merupakan mangsa dalam kes rayuan ini pada tarikh, masa dan tempat seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan.

I

[15] Perayu telah menyenaraikan lima alasan dalam petisyen rayuan di mana pada pandangan mahkamah ini boleh dihimpunkan kepada dua isu utama memandangkan ia bertindih dan saling berkaitan. Dua alasan atau isu utama tersebut diringkaskan seperti yang berikut:

(a) sama ada HMS telah terkhilaf dalam membebaskan responden atas alasan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa responden telah menyebabkan kecederaan parah kepada SP3; dan

(b) sama ada HMS terkhilaf dalam memutuskan bahawa kecederaan bukanlah kecederaan parah.

Sama ada HMS telah terkhilaf dalam membebaskan responden atas alasan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa responden telah menyebabkan kecederaan parah kepada SP3

[16] Teras kepada hujahan pendakwaan adalah HMS telah terkhilaf apabila mendapati bahawa pendakwaan telah gagal membuktikan kecederaan parah yang dialami SP3 yang disebabkan oleh responden secara sengaja.

[17] Pendakwaan dalam hujahnya menyatakan bahawa cara responden datang menyerang mangsa pertama iaitu Loh Soon Kheng ('SP1') yang berseorangan menunjukkan dia telah melakukan kesemua ini dengan sengaja. Manakala mangsa kedua yang merupakan anak kepada SP1 pula dihayunkan parang kerana mempertahankan SP1. Bagi SP3 pula, walaupun dia yang menahan pedang tersebut, namun kecederaan tidak akan dialami jika responden tidak menghayunkan parang. Malah, jika SP3 tidak menahan parang tersebut kemungkinan besar salah seorang daripada mangsa iaitu SP1 atau SP2 boleh mati.

[18] Mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan penghujahan tersebut memandangkan bahawa keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan di hadapan HMS menunjukkan bahawa SP3 tidak berada bersama di tempat kejadian dari mula responden datang ke tempat kejadian dengan motosikal dengan membawa parang panjang. Setelah memakir motorsikalnya, responden tanpa bercakap terus meluru ke arah SPI dan terus menghayun parang panjang bagi tujuan mencederakan SP1 secara segaja. SP2 yang cuba datang membantu bapanya dari diserang responden juga telah turut diserang dan dicederakan oleh responden.

[19] SP3 hanya pergi ke tempat kejadian apabila mendengar terdapat orang bergaduh tidak jauh dari tempat beliau sedang minum bersama rakannya. Setelah sampai di situ, SP3 telah melihat SP1 telah jatuh di atas lantai di hadapan kedai di tepi jalan dan responden pula sedang memegang parang panjang. Setelah itu, SP3 menyatakan 'saya tahan OKT (Responden) untuk elak bergaduh'.

[20] Selepas itu, apabila ditanya selanjutnya oleh pihak pendakwaan beliau menyatakan seperti yang berikut:

A Q: Lepas itu apa you buat?

A: *Saya tahan tangan OKT untuk elak bergaduh. 3 jari tangan kanan saya kena potong.*

Q: *Macam mana you punya tangan kena potong?*

B

A: *Masa saya pi tahan dia, tangan saya kena pisau.*

Q: Lepas itu apa jadi?

A: Lepas itu OKT lari.

C (ms 23–24, Jld 2 — rekod rayuan)

[21] Semasa disoal balas peguambela responden, SP3 menyatakan seperti yang berikut:

D Q: *You pegang tangan dia laaa?*

A: *Saya pergi tahan tangan OKT.*

Q: *Semasa kamu tahan tangan OKT, tangan kamu kena potong?*

E A: Kena potong.

Q: Masa itu OKT ada di lantai?

A: 2 orang ada di lantai.

(ms 26, Jld 2 — rekod rayuan)

F

[22] Selanjutnya, bagi menjawab soalan yang diajukan oleh HMS, SP3 menjawab seperti yang berikut:

Q: *Itu tangan you kena* pasal OKT potong ka atau you pergi pegang?

G A: Pasal saya pi tahan OKT bukan OKT potong saya.

(ms 26, Jld 2 — rekod rayuan)

[23] Jika melihat kepada keterangan-keterangan tersebut, tidak terdapat H keterangan positif yang menunjukkan bahawa responden telah secara fizikalnya dengan sengaja menyerang atau menyebabkan kecederaan kepada SP3. SP3 juga tidak ada bersama SP1 dan SP2 sejak awal apabila responden mula menyerang dan mencederakan SP1 dan SP2 dengan parang. Tidak terdapat satu keterangan pun yang mencadangkan bahawa terdapat rancangan I awal oleh responden untuk melakukan kesalahan untuk menyerang dan mencederakan SP3.

[24] Bagi membuktikan inti pati pertuduhan di bawah s 326 Kanun Keseksaan, perlu terdapat keterangan yang membawa kepada dapatan bahawa

responden yang merupakan penyerang (*assailant*) dan menyebabkan kecederaan kepada SP3. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah semasa perbicaraan tersebut, boleh disimpulkan bahawa responden masih lagi dalam keadaan untuk menyerang SP1 walau pun SP1 pada masa itu telah pun jatuh di atas lantai dan cedera. SP3 hanya bertindak untuk membantu bagi mengelakkan supaya responden tidak lagi terus menyerang SP1. Oleh itu, tindakan responden sebenarnya bukanlah berniat untuk menyerang SP3 sebaliknya responden ingin untuk terus menyerang SP1 dan tindakan SP3 menahan responden meneruskan niatnya itu telah menyebabkan kecederaan dialami SP3.

[25] HMS dalam alasan penghakimannya telah memutuskan bahawa pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes prima facie dalam Kes PA-62–12–03 Tahun 2019 berdasarkan alasan-alasan yang berikut (secara verbatim):

(a) mahkamah di dalam membuat keputusan bagi kes ini telah meneliti keterangan *SP3 iaitu mangsa sendiri yang menyatakan bahawa beliau cedera di tangan akibat kena parang semasa beliau menahan tangan OKT untuk mengelak dari bergaduh dan tiga jari tangan kanan beliau terkena parang panjang* dan selipas itu OKT melarikan diri;

(b) SP3 semasa ditanya penjelasan lanjut oleh mahkamah menyatakan bahawa *tangan beliau kena parang sebab beliau menahan, bukan OKT yang potong tangan beliau*;

(c) mahkamah berpendapat bahawa atas keterangan SP3 sendiri menunjukkan *tidak pada bila-bila masa OKT telah menetak atau mendatangkan kecederaan terhadap SP3* dan kecederaan SP3 ini adalah akibat perbuatan SP3 sendiri;

(d) mahkamah juga mendapati *OKT tidak ada langsung apa-apa niat untuk mencederakan SP3 dan OKT juga langsung tidak membuat apa-apa persediaan di dalam mendatangkan kecederaan terhadap SP3*;

(e) selanjutnya, mahkamah meneliti *keterangan doktor yang merawat SP3, gambar-gambar kecederaan SP3 serta laporan perubatan yang menunjukkan kecederaan SP3 bukanlah suatu kecederaan yang parah* dan kecederaan yang tidak kekal jika dibandingkan dengan kecederaan SP1 dan SP2;

(f) keterangan doktor sendiri menyatakan SP3 telah pulih sepenuhnya daripada kecederaan yang dialami;

(g) ...

(h) ...

(i) mahkamah mendapati pihak pendakwaan gagal membuktikan kesemua elemen di para 125 di atas terhadap OKT;

A (j) bagi kes PA-62–12–03 Tahun 2019, mahkamah berpendapat bahawa menjadi satu kesalahan untuk mahkamah memerintahkan OKT membela diri bagi membuktikan sesuatu elemen yang gagal dibuktikan oleh pendakwaan; dan

B (k) mahkamah juga tidak bersedia untuk mensabitkan OKT dengan kesalahan dan pertuduhan andai kata OKT memilin untuk berdiam diri di peringkat membela diri. (Penekanan ditambah.)

C **[26]** Mahkamah ini mendapati, HMS tidak menyatakan dalam alasan penghakimannya bahawa beliau tidak mempercayai keterangan SP3. Oleh itu, berdasarkan keterangan tersebut mahkamah ini bersetuju dengan dapatan fakta oleh HMS dan berpandangan bahawa tidak terdapat merit bagi alasan seperti di perenggan (a) yang dibangkitkan oleh perayu dalam rayuan ini.

D *Sama ada HMS terkhilaf dalam memutuskan bahawa kecederaan bukanlah kecederaan parah*

[27] Berhubung dengan isu sama ada kecederaan yang dialami oleh SP3 adalah terjumlah sebagai suatu kecederaan yang parah, keterangan yang E dikemukakan oleh pendakwaan melalui pegawai perubatan kerajaan yang bertugas di Hospital Balik Pulau iaitu SP4 yang telah memberikan rawatan kepada SP3 pada malam kejadian, tidak menjelaskan sama ada jenis kecederan yang dialami SP3 adalah terjumlah kepada suatu cedera parah menurut s 320 Kanun Keseksaan. Namun, berdasarkan keterangan lisan SP4 semasa F perbicaraan dan juga penyataan saksi PSP4 di mahkamah serta laporan perubatan (eksh P7) yang disediakan oleh SP4 kecederaan yang dialami oleh SP3 adalah seperti yang berikut:

(a) keterangan lisan menjelaskan kecederaan yang dialami SP3 adalah:

G (i) *superficial laceration wound* di tangan kanan iaitu jari dua, tiga dan empat. Jari telunjuk, jari hantu dan jari manis;

(ii) tiada *tendon cut* dan mempunyai pergerakan jari *flexion* dan *extension* yang masih bagus;

H (iii) saya telah jalankan x-ray dan dapati tiada tulang yang patah;

(iv) pendarahan tak banyak hanya perlu *control* untuk kesakitan dan rawatan jahitan; dan

I (v) SP3 telah dibenarkan pulang ke rumah pada hari yang sama selepas rawatan diberikan dengan *appointment* sebagai pesakit luar untuk lihat pergerakan kesan luka dan pergerakan tangan;

(b) eksh P7 (laporan perubatan) mengenai kecederaan SP3 bagi tujuan menyokong (*corroborate*) keterangan SP4 menyatakan:

Noted laceration wound over palmar aspect of second, third and fourth phalanges of right hand. Range of motion full despite pain. Able to flex all joints and fingers. Tender on palpation, no jagged edges and clean woud. No exposed tendon/bone seen.

[28] Berdasarkan keterangan SP4, mahkamah berpendapat kecederaan yang dialami SP3 tidak terjumlah kepada cedera parah menurut s 320 Kanun Keseksaan. Bagi tujuan membuktikan bahawa SP3 mengalamai cedera parah, pihak pendakwaan sebaliknya cuba bergantung kepada peruntukan s 399 KTJ apabila mengemukakan laporan perubatan (eksh P12) yang disediakan oleh pegawai perubatan Penang Adventist Hospital yang merawat SP3 selang bebarapa hari selepas kejadian iaitu pada 13 Februari 2019.

[29] Peruntukan s 399 KTJ berbunyi seperti yang berikut:

399 *Reports of certain persons*

(1) *Any document purporting to be a report under the hand of any of the persons mentioned in subsection (2) upon any person, matter or thing examined or analysed by him* or any document purporting to be a report under the hand of the Registrar of Criminals upon any matter or thing relating to finger impressions *submitted to him for report may be given in evidence in any inquiry, trial or other proceeding under this Code unless that person or Registrar shall be required to attend as a witness*:

(a) by the court; or

(b) by the accused, in which case the accused shall give notice to the public prosecutor not less than three clear days before the commencement of the trial:

Provided always that *in any case in which the public prosecutor intends to give in evidence any such report he shall deliver a copy of it to the accused not less than ten clear days before the commencement of the trial*.

(2) *The following are persons to whom the provisions of this section apply*:

(a) officers of the Institute for Medical Research;

(b) *Government Medical Officers;*

(c) chemists in the employment of any Government in Malaysia or of the Government of Singapore;

(d) any person appointed by the Minister by notification in the Gazette, to be a Document Examiner;

(e) Inspector of Weights and Measures appointed as such under any written law relating to weights and measures in force in Malaysia; and

(f) any person or class of persons to whom the Minister by notification in the Gazette declares that the provisions of this section shall apply.

A (3) The persons referred to in subsection (2) and the Registrar of Criminals are by this Code bound to state the truth in reports made under their hands. (Penekanan ditambah.)

[30] Berhubung dengan perkara ini, perayu menghujahkan bahawa laporan B perubatan yang disediakan oleh Penang Adventist Hospital yang bukan merupakan hospital atau pusat perubatan yang disediakan oleh kerajaan boleh diterima oleh mahkamah atas alasan bahawa sesuatu eksibit dokumentari boleh dikemukakan melalui pembuat dokumen tersebut atau melalui orang lain yang mempunyai kawalan atau berkuasa ke atas eksibit tersebut. Dalam C kes ini, pihak yang bertanggungjawab kepada laporan perubatan tersebut ialah pegawai penyiasat kes iaitu SP7 dan laporan perubatan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah semasa perbicaraan seperti yang diputuskan dalam *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1991] 1 MLJ 316. Dalam kes tersebut, Mohtar Abdullah H (pada ketika itu) telah menyatakan seperti yang D berikut:

(a) ...

(b) *that any exhibit can be produced* by the maker (eg the recording officer) or *by any person in whose possession or power the exhibit presently* is (e.g the investigating officer) E or by any person who originally recovered the said exhibit (eg the officer who conducted the raid or search). (Penekanan ditambah.)

[31] Perayu juga turut menghujahkan bahawa tiada notis telah diberikan oleh pembelaan menurut peruntukan s 399(1)(b) KTJ untuk memanggil F 'maker of the report' untuk memberi keterangan di mahkamah dan pihak responden juga tidak membantah supaya eksh P12 tersebut diterima masuk sebagai sebahagian daripada keterangan pendakwaan. Selanjutnya, perayu juga menghujahkan bahawa pembelaan tidak pada bila-bila mempertikaikan kecederaan parah yang dialami oleh SP3.

G

[32] Mahkamah ini mengambil maklum mengenai hak pendakwaan di bawah s 399 KTJ untuk mengemukakan laporan mana-mana orang yang dinyatakan dalam s 399(2) KTJ termasuk laporan pegawai perubatan sebagai ganti memanggil pegawai perubatan yang terlibat untuk memberikan H keterangan di mahkamah seperti yang diputuskan dalam *Public Prosecutor v Lin Lian Chen*. Walau bagaimanapun, laporan pegawai perubatan tersebut hanya boleh diterima sebagai keterangan, termasuk dapatan daripada hasil pemeriksaan kesihatan yang dibuat olehnya tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam peruntukan s 399 KTJ khususnya sub-s 399(2) KTJ I yang antara lain menetapkan syarat laporan perubatan itu hendaklah disediakan atau dibuat oleh seorang 'pegawai perubatan kerajaan' atau mana-mana pegawai perubatan selain pegawai perubatan kerajaan yang telah diberikan kebenaran secara bertulis oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut s 34C(1) Akta Perubatan 1971 (Akta 50).

[33] Mahkamah ini berpendapat bahawa pegawai perubatan yang menyediakan laporan tersebut tidak termasuk dalam takrif 'pegawai perubatan kerajaan' bagi maksud peruntukan s 399(2) KTJ yang dibaca bersama dengan takrifan 'government medical officer' yang diperuntukkan di bawah s 2 KTJ yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> 'Government Medical Officer' or 'Medical Officer' *includes a medical practitioner who has been given by the Director General of Health Malaysia, an authorization in writing under section 34C of the Medical Act 1971 (Act 50) to perform functions specified in that section*. (Penekanan ditambah.)

[34] Sepanjang perbicaraan tersebut juga tidak terdapat sebarang keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi membuktikan bahawa pegawai perubatan yang menyediakan laporan perubatan (eksh P12) berkenaan kecederaan yang dialami oleh SP3 serta rawatan yang telah diberikan telah pun diberi kebenaran secara bertulis oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia untuk dianggap sebagai 'pegawai perubatan kerajaan' menurut s 34C Akta 50. Untuk kemudahan rujukan, diperturunkan di sini peruntukan s 34C Akta 50 yang berbunyi seperti berikut:

> 34C *Medical practitioner authorized by Director General to be deemed a Government Medical Officer*
>
> (1) *The Director General may authorize in writing any medical practitioner who is registered under section 14 and not being a medical practitioner in the public service to undertake any of the following functions*, that is:
>
> (a) *investigation, examination, treatment or management of any patient*; or
>
> (b) perform an autopsy or post-mortem investigation of any deceased person, in any healthcare facility and services.
>
> (1A) The Director General may delegate his power under subsection (1) to any State Health Director or an equivalent officer.
>
> (2) *A medical practitioner who is authorized under subsection (1) or (1A) to perform any of the functions referred to in paragraphs (1)(a) and (b) shall be deemed to be a Government Medical Officer for the purposes of the Criminal Procedure Code [Act 593]* and any other relevant laws in Malaysia.

[35] Mahkamah ini berpendapat pihak pendakwaan perlu membuktikan terlebih dahulu bahawa pra-syarat di bawah s 34C Akta 50 telah dipatuhi sebelum laporan perubatan (eksh P12) yang disediakan oleh pegawai perubatan Adventist Hospital Penang berkenaan boleh diterima masuk oleh mahkamah sebagai keterangan bagi memperjelaskan jenis kecederaan yang dialami SP3.

[36] Dalam kes ini, pihak pendakwaan nampaknya bergantung semata-mata kepada keboleh terimaan laporan perubatan (eksh P12) bagi membuktikan kecederaan parah yang dialami oleh SP3. Oleh itu, keputusan pihak

pendakwaan untuk tidak memanggil pegawai perubatan Penang Adventist Hospital yang merawat SP3 untuk memberi keterangan juga adalah tidak betul memandangkan pihak pendakwaan perlu membuktikan kepada mahkamah berhubung kelayakan pihak yang menyediakan laporan tersebut serta bagi membuktikan bahawa kecederaan yang dialami SP3 terjumlah kepada salah satu jenis kecederaan yang dikategorikan sebagai cedera parah menurut s 320 Kanun Keseksaan.

[37] Kedudukan pembuktian kes ini akan menjadi *reverse* sekiranya laporan perubatan yang menunjukkan kecederaan serius yang dialami oleh SP3 dikemukakan oleh seorang 'pegawai perubatan kerajaan' sebagaimana berlaku kepada laporan bedah siasat (eksh P7) yang disediakan dalam kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam *Yii Ming Tung v Public Prosecutor* [2015] 3 MLJ 596; [2014] 9 CLJ 1102.

[38] Keperluan untuk mematuhi pra-syarat kepada peruntukan s 399 KTJ bukanlah semata-mata suatu peruntukan berkenaan prosedur tetapi ia juga antara lain berkaitan dengan kaedah keboleh teriman keterangan bagi kes pihak pendakwaan di mahkamah yang memberi kebenaran supaya kehadiran pembuat dokumen itu dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah semasa perbicaraan dikecualikan. Dalam hal ini, mahkamah ini mengambil maklum keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Ooi Lean Chai v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 552; [1991] 1 CLJ 337 yang telah memutuskan bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk menyerahkan salinan laporan kimia kepada pembelaan menurut s 399(1) KTJ bagi mengecualikan kehadiran ahli kimia di mahkamah adalah suatu salah aturan yang serius dan menjadikan laporan kimia tersebut tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan di mahkamah. Mohd Azmi SCJ (pada ketika itu) yang menyampaikan keputusan Mahkamah Agung menyatakan seperti yang berikut:

> *We agreed that s 399(i) of the CPC was not merely a procedural provision but it contained, inter alia, rules of admissibility of chemist's report which dispensed with the need to call the government chemist as maker of the document as a witness.* Learned counsel for the appellant also referred to the case of *Chah Siew Kok v Public Prosecutor* [1987]1 CLJ 386 where Peh Swee Chin J held that *if a chemist's report was admitted in contravention of s 399 of the CPC, it would be an irregularity of a serious nature and the report in such circumstances was inadmissible evidence despite its admission.* He also held that a waiver or an estoppel could not be raised against s 399 which imposed a duty on the prosecution to call the chemist as a witness. (Penekanan ditambah.)

[39] Mahkamah ini juga tidak dapat bersetuju dengan hujahan timbalan pendakwa raya yang terpelajar bahawa kemasukan laporan perubatan (eksh P12) melalui pegawai penyiasat kes ini iaitu SP7 boleh diterima masuk sebagai keterangan di mahkamah memandangkan ia telah dipersetujui dan

tidak dibantah oleh peguambela yang mewakili responden sebagaimana yang dicatatkan dalam nota keterangan (Jld 2) memandangkan apa jua pengabaian berkenaan hak untuk membantah kebolehterimaan mana-mana keterangan, tidak terpakai dalam prosiding jenayah. Kedudukan perkara ini telah dijelaskan oleh Agustine Paul J (pada ketika itu) dalam kes *Noliana bt Sulaiman v Public Prosecutor* [2000] 4 MLJ 752 yang menyatakan seperti berikut:

> Thus the rule relating to waiver of a right to object to admissibility of evidence does not apply to criminal proceedings. That would be the position even in the absence of a law like s 58(2). India has no such equivalent. And, as *Sarkar on Evidence* (15th Ed, Vol 1) says at pp 98–99:
>
> > Except where the law expressly permits waiver, the rights of an accused should not be held to be lost by his consent to a procedure or to admission of evidence which the law does not authorise. The prisoner on his trial can consent to nothing. It is the duty of the magistrate and all criminal courts to follow the procedure prescribed by Jaw, and the consent of the accused cannot be invoked against irregularity in procedure (*Dy Legal Rem v Upendra* 12 CWN 140, followed in *Kottam v Umar* 46 Mad 117). Wide difference exists between a civil suit and a criminal prosecution. Criminal proceedings are bad unless they are conducted in the manner prescribed by law and if they are substantially bad, the defect will not be cured by any waiver or consent of the prisoner (*R v Bholanath* 2 C 23 at p 30). A prisoner on his trial cannot waive his ordinary right, nor can he consent to anything (*Attorney General v Bertrand* 36 LJPC 51, 57. See also *R v Bishonath* 12 WR Cr 3).
>
> A similar stand was taken by the (then) Supreme Court in *Ooi Lean Chai v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 552 where Mohamed Azmi SCJ said at p 554L:
>
> > Further a waiver by an accused person could not be held against him in regard to rules of procedure and evidence in criminal proceedings. Any admission of inadmissible evidence, even with consent or by waiver of the accused was wrongful and such inadmissible evidence inadmissible evidence, the effect of which was open to any court to assess.
>
> Exhibit P3 therefore remains inadmissible even though there was a failure to object to its admissibility in the session's court. Its admissibility can be challenged on appeal.
>
> However, no objection was also raised before me on the admissibility of exhibit P3. That, of course, does not preclude the court from excluding inadmissible evidence on its own motion in the exercise of its ever vigilant duty as the guardian of justice in order to ensure that judicial decisions are made in accordance with law. As I said in *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (No 3)* [1999] 2 MLJ 1 at p 170:
>
> > If it is the duty of the judge to admit all relevant evidence, it is no less his duty to exclude all irrelevant evidence.
>
> Sharma J said in *Goh Beng Seng v Dol bin Dollah* [1970] 2 MLJ 95 at p 97:
>
> > The mere fact, however, that counsel for the defendant in this case did not object to the admissibility of the statements of witnesses made to the police, does not excuse me from excluding such evidence if in fact and law it is not admissible. It

A is the duty of the court to disallow all inadmissible evidence even though no objection is taken to its admissibility. Inadmissible evidence remains inadmissible. It cannot be rendered admissible by failure of counsel to object to it.

B I therefore consider it my duty to rule that exhibit P3 was wrongly admitted in evidence. It must therefore inadmissible evidence even though no objection was raised as to its admissibility with the result that the foundation of the prosecution case collapses. Without this vital piece of evidence the order of the learned session's court judge in calling upon the accused to enter upon her defence is wrong in law.

C

[40] Prinsip mengenai pengabaian hak untuk membantah keboleh terimaan mana-mana keterangan tidak terpakai dalam prosiding jenayah juga turut diputuskan dalam beberapa kes yang lain (rujuk kes *Ooi Lean Chai v Public* D *Prosecutor* dan *Harjit Singh v Regina* [1963] 1 MLJ 287.

[41] Dalam kes yang lain iaitu *Mohd Zuki bin Ali @ Mohamad v Public Prosecutor* [2010] MLJU 1320; [2010] 1 LNS 1270, VT Singham J (pada ketika itu) pula menyatakan seperti yang beikut:

E No default by the defence or waiver or agreement by the parties can supercede the written law, especially in criminal matters (per Azmi LP in *Fan Yew Teng v Public Prosecutor* [1971] 2 MLJ 271 at p 273).

F [22] The omission to comply with the mandatory provisions of the law is not a mere irregularity which can be cured by recourse to s 422 of the CPC. (See also *Karuppiah v Rex* [1949] MLJ 75, *Pulic Prosecutor v Hafiszamii bin Ahmad & Anor* [2007] 1 MLJ 497 at p 502).

G [23] In criminal cases, the general principle is that the accused person cannot give consent to anything or waive even the procedure in the trial against him, unless any law expressly permits waiver. It is the duty of the criminal court to follow the procedure prescribed by law, and accused's right cannot be held to be lost by his consent to a procedure (Rattanlal & Dhirajlal, *Law of Evidence* (22nd Ed, 2006))

In *Kiew Foo Mui & Ors v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 505, Edgar Joseph Jr FCJ H said at p 511:

I In our view, the learned judge remained under such a duty since it is not just of some importance, but of fundamental importance to the administration of criminal justice, that an accused person should feel that he has not been deprived of that priceless asset — namely a fair trial, notwithstanding the shortcomings of his counsel. It is axiomatic that the primary duty of a judge at any trial — whether criminal or civil — is to ensure that justice is done, no doubt, according to law.

We then went on to consider the final question of critical substance which arose on this part of the case; namely: whether the failure of the prosecution, the

defence and the learned judge, to discharge their respective duties, as aforesaid, had occasioned a failure of justice.

[42] Berdasarkan keadaan sedemikian, mahkamah ini berpendapat dan memutuskan perayu telah gagal untuk membuktikan bahawa kecederaan yang dialami SP3 adalah cedera parah dan terjumlah kepada salah satu kategori yang dinyatakan dalam s 320 Kanun Keseksaan. Atas isu ini sahaja keseluruhan kes pendakwaan menjadi gagal dibuktikan kepada tahap prima facie sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 173(f)(ii) KTJ.

KESIMPULAN

[43] Berdasarkan kepada semua alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini menolak rayuan yang difailkan oleh perayu memandangkan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes prima facie yang harus dijawab oleh responden. Oleh itu, mahkamah ini mengekalkan keputusan HMS yang telah melepas dan membebaskan responden daripada pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Rayuan ditolak dan keputusan HMS dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain bin Ab Fatar